



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN - RABU, 23 JULAI 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	TENAGA WANITA DIPERKASA PACU SEKTOR PENJAGAAN		POSITIF
	<a href="https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2025/07/1423110/tenaga-wanita-diperkasa-pacu-sektor-penjagaan">https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2025/07/1423110/tenaga-wanita-diperkasa-pacu-sektor-penjagaan</a>	BHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	IBU TUNGGAL TAK LAGI BERSENDIRIAN, INI BANTUAN YANG DIBAWA KASIHNITA 2025		POSITIF
	<a href="https://www.majalahpama.my/ibu-tunggal-tak-lagi-berseendirian-ini-bantuan-yang-dibawa-kasihnita-2025/">https://www.majalahpama.my/ibu-tunggal-tak-lagi-berseendirian-ini-bantuan-yang-dibawa-kasihnita-2025/</a>	MAJALAHPAMA.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	PENYERTAAN WANITA MAMPU PACU EKONOMI NEGARA		POSITIF
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/penyertaan-wanita-mampu-pacu-ekonomi-negara">https://berita.rtm.gov.my/ekonomi/senarai-berita-ekonomi/senarai-artikel/penyertaan-wanita-mampu-pacu-ekonomi-negara</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	WOMAN JAILED SIX MONTHS FOR CONCEALING AND DUMPING NEWBORN'S BODY		NEGATIF
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/22/woman-jailed-six-months-for-concealing-and-dumping-newborns-body">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/22/woman-jailed-six-months-for-concealing-and-dumping-newborns-body</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://sabahmedia.com/2025/07/22/wanita-ditahan-berkaitan-kes-kematian-bayi-dibuang/">https://sabahmedia.com/2025/07/22/wanita-ditahan-berkaitan-kes-kematian-bayi-dibuang/</a>	SABAHMEDIA.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



23/7/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>KANAK-KANAK NYARIS LEMAS DI KOLAM RENANG MENINGGAL DUNIA</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1243563/kanak-kanak-nyaris-lemas-di-kolam-renang-meninggal-dunia">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1243563/kanak-kanak-nyaris-lemas-di-kolam-renang-meninggal-dunia</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2025/07/kanak-kanak-lemas-dalam-kolam-kembali-ke-rahmatullah/">https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2025/07/kanak-kanak-lemas-dalam-kolam-kembali-ke-rahmatullah/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/07/22/kanak-kanak-lemas-hembuskan-nafas-terakhir-pagi-tadi/">https://www.kosmo.com.my/2025/07/22/kanak-kanak-lemas-hembuskan-nafas-terakhir-pagi-tadi/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-lemas-di-kota-syahbandar-meninggal-dunia/">https://www.melakahariini.my/kanak-kanak-lemas-di-kota-syahbandar-meninggal-dunia/</a>	MELAKAHARIINI.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>DOKTOR CABUL PESAKIT WANITA DITAHAN POLIS</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/doktor-cabul-pesakit-wanita-ditahan-polis/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/07/doktor-cabul-pesakit-wanita-ditahan-polis/</a>	UTUSAN.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/739892/berita/semasa/doktor-ditahan-bantu-siasatan-cabul-pesakit-wanita">https://www.sinarharian.com.my/article/739892/berita/semasa/doktor-ditahan-bantu-siasatan-cabul-pesakit-wanita</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/doktor-ditahan-bantu-siasatan-cabul-pesakit-wanita-530695">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/doktor-ditahan-bantu-siasatan-cabul-pesakit-wanita-530695</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/22/doktor-ditahan-kali-keempat-kerana-cabul-pesakit">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/07/22/doktor-ditahan-kali-keempat-kerana-cabul-pesakit</a>	FREEMALAYSATODAY.COM	
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/doktor-ditahan-bantu-siasatan-kes-cabul-pesakit-wanita-di-klinik-swasta-CC14523760">https://thesun.my/cerita/berita/doktor-ditahan-bantu-siasatan-kes-cabul-pesakit-wanita-di-klinik-swasta-CC14523760</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1243638/doktor-ditahan-bantu-siasatan-cabul-pesakit-wanita">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/07/1243638/doktor-ditahan-bantu-siasatan-cabul-pesakit-wanita</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/22/penang-doctor-arrested-for-molesting-female-patient">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/07/22/penang-doctor-arrested-for-molesting-female-patient</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/22/penang-doctor-nabbed-for-4th-time-now-for-allegedly-molesting-patient">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/07/22/penang-doctor-nabbed-for-4th-time-now-for-allegedly-molesting-patient</a>	FREEMALAYSATODAY.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1248792/doctor-previously-nabbed-molesting-patients-arrested-again-fourth">https://www.nst.com.my/news/crime-courts/2025/07/1248792/doctor-previously-nabbed-molesting-patients-arrested-again-fourth</a>	NST.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Tenaga wanita diperkasa pacu sektor penjagaan

Julai 22, 2025 @ 1:08pm



Nancy (duduk tengah) pada majlis sempena Sidang Kemuncak Ekonomi Dunia di ibu negara. -Foto Fb KPWK

KPWKM rangka ekosistem sokong penyertaan majukan pusat jaga kanak-kanak, warga emas

Oleh Mahani Ishak

[mahani@bh.com.my](mailto:mahani@bh.com.my)

Gambar RaihanaK

Jika penjagaan dianggap beban, maka wanita di negara ini akan terus ketinggalan dalam arus ekonomi.

Namun jika penjagaan dijadikan aset, masa depan wanita dan negara akan melonjak bersama.

Menyedari hal ini, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) sedang membangunkan Kerangka Industri Penjagaan dalam usaha mengembangkan industri pusat jagaan kanak-kanak dan warga emas di negara ini.

Kerangka ini bukan sekadar dokumen dasar. Ia adalah cerminan kepada realiti wanita Malaysia, penjagaan bukan beban, tetapi teras ekonomi masa depan.

Ia juga sebagai strategi utama meningkatkan penyertaan wanita dalam tenaga kerja dan memperkukuh ekosistem sokongan nasional.

Hakikatnya, industri penjagaan memainkan peranan penting meningkatkan penyertaan wanita dalam sektor pekerjaan ketika ini.

Jika perkhidmatan penjagaan kurang diperkenalkan, usaha meningkatkan kadar penyertaan tenaga buruh wanita memenceh 60 peratus seperti disasarkan dalam Kerangka Ekonomi MADANI mungkin sukar dicapai.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata menjadi tanggungjawab kerajaan dan sektor swasta untuk membina ekosistem sokongan yang kondusif untuk wanita di negara ini, termasuk usahawan dan pemimpin wanita.

"Kadar penyertaan tenaga kerja wanita dalam pekerjaan masih rendah dan sewajarnya aspek penjagaan anak, penjagaan ibu bapa, warga emas, kesihatan dan dasar kerja fleksibel menjadi komponen utama dalam perancangan ekonomi.

"Justeru, kerangka yang kita sedang bangunkan sejak dua tiga tahun ini bertujuan memperkukuh sistem penjagaan sepanjang kitaran hidup.

"Pada masa sama, kerajaan bekerjasama dengan rakan strategik untuk memperluas pusat jagaan kanak-kanak dan menggalakkan majikan mengamalkan dasar mesra keluarga," katanya berucap ketika hadir majlis makan tengah hari sempena Sidang Kemuncak Ekonomi dan Perniagaan Wanita Dunia (WWEBS) yang berlangsung di ibu negara, baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden KSI Strategic Institute for Asia Pasific, Tan Sri Michael Yeoh dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur WWEBS, Datuk Halimah Mohd Said.

Mengenai penganjuran WWEBS, Nancy berkata, ia platform tepat untuk wanita melonjakkan potensi diri dan melaksanakan reformasi bagi mempersiapkan diri berdepan cabaran digital.

"Oleh itu, kita memerlukan kerjasama dalam kalangan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan sektor swasta untuk membantu wanita meningkatkan lagi potensi memajukan diri supaya dapat memainkan peranan lebih penting daripada sekarang.

"Kerajaan juga banyak membantu dan kita akan membawakan lebih banyak lagi insentif untuk wanita dari segi program untuk membantu mereka," katanya.

Dalam pada itu, Nancy turut menggesa kesaksamaan gender diinstitusikan dalam dasar negara, termasuk menerusi pelaksanaan kuota, penggubalan belanjawan berasaskan gender dan penetapan sasaran kepelbagaian dalam lembaga korporat serta agensi awam.

"Wanita bukan sahaja perlu dijemput masuk ke dalam bilik mesyuarat, tetapi juga perlu didengari, dihormati dan diberikan peluang untuk dinaikkan pangkat.

"Meskipun wanita kini memegang tampuk kepimpinan di bank utama, universiti dan kementerian, usaha perlu diteruskan bagi memastikan penyertaan mereka turut meliputi koperasi luar bandar, syarikat pemula digital dan badan tadbir urus iklim," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Ibu Tunggal Tak Lagi Bersendirian, Ini Bantuan Yang Dibawa KasihnITa 2025

By Syaza - Jun 22, 2025



Dalam usaha memperkasa peranan ibu tunggal di Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) telah melancarkan secara rasmi Program Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) 2025 menerusi satu majlis gilang-gemilang yang berlangsung pada 15 Julai 2025 bertempat di Hotel Shangri-La, Kuala Lumpur.

Program ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, yang menzahirkan komitmen kerajaan dalam meningkatkan kesejahteraan serta kebolehpayaan golongan ibu tunggal melalui pelbagai inisiatif berimpak tinggi.



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, masih ramai wanita khususnya ibu tunggal yang menjadi mangsa keengganan bekas suami mematuhi perintah tersebut, sekali gus memerlukan sokongan guaman untuk menuntut hak mereka.

Tambah beliau lagi, program berkenaan dirangka untuk memberikan pendedahan dan bimbingan kepada ibu tunggal dalam aspek perundangan, pengurusan kewangan serta pembangunan potensi diri. Program yang mula diperkenalkan pada 2023 itu kini dijenamakan semula sebagai KasihnITa dan akan dilaksanakan di enam zon utama di seluruh negara.

"Tahun ini, Perdana Menteri (Datuk Seri Anwar Ibrahim) telah meluluskan peruntukan RM1.6 juta bagi pelaksanaannya di enam zon seluruh negara. Fokus program bukan hanya kepada ibu tunggal yang bercerai tetapi turut melibatkan wanita yang ditinggalkan suami tanpa berita atau mempunyai pasangan yang sakit dan terlantar.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) menyasarkan penyertaan 1,500 ibu tunggal dalam Program Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) 2025 yang akan dilaksanakan mulai Ogos ini.

KasihnITa 2025 berlangsung pada Ogos hingga Disember ini dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Peguam Syarie Malaysia, Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) serta pakar psikologi.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, menerusi KasihnITa, pihaknya akan melaksanakan intervensi proaktif dengan memberikan bantuan khusus kepada ibu tunggal dalam proses menuntut nafkah daripada bekas suami.

Bagi memudahkan penyertaan, Nancy menyarankan ibu tunggal yang memerlukan bantuan untuk menghubungi pihak Kementerian secara terus atau mengakses maklumat melalui laman web rasmi Kementerian.



Foto: Instagram mal/fazura

Turut mencuri perhatian pada majlis peluncuran rasmi Program Kasih Ibu Tunggal (KasihnITa) 2025 itu ialah selebriti terkenal, Nur Fazura, yang tampil anggun dan bersemangat menyokong inisiatif tersebut. Kehadirannya bukan sahaja menyeronokkan suasana, malah menjadi simbol solidariti dan inspirasi buat para ibu tunggal yang hadir. Aura positif serta komitmen Fazura dalam memperjuangkan isu wanita jelas terpancar, sekaligus mengukuhkan kedudukannya sebagai ikon wanita Malaysia yang disegani.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Penyertaan wanita mampu pacu ekonomi negara

Ekonomi - Dicipta: 22 Julai 2025 06:26 PM



Pakar Ekonomi Kanan, Perlindungan Sosial dan Buruh Bank Dunia, Shakira Teh Sharifuddin/ Foto BERNAMA

**KUALA LUMPUR, 22 Julai** – Malaysia berpotensi meningkatkan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sekiranya dasar pekerjaan yang lebih inklusif terhadap wanita dan penjaga dilaksanakan secara menyeluruh dan konsisten.

Pakar Ekonomi Kanan, Perlindungan Sosial dan Buruh Bank Dunia, Shakira Teh Sharifuddin berkata, peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja bukan sahaja dapat menampung penyusutan populasi usia bekerja, malah memberi kesan langsung kepada prestasi ekonomi negara.

"Lebih ramai wanita menyertai pasaran kerja akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi.

"Namun, yang lebih penting ialah mewujudkan persekitaran kerja yang inklusif, berempati dan berpaksikan tanggungjawab bersama," katanya selepas pelancaran Laporan Kajian Amalan Pekerjaan Inklusif oleh Bank Dunia.

Menurut beliau, laporan tersebut memberi tumpuan kepada amalan pengambilan pekerja yang lebih mesra terhadap wanita dan penjaga.

Shakira turut mengakui kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti program pengambilan semula wanita bekerja, kerja fleksibel dan sokongan penjagaan anak.

Namun, katanya, pendekatan ini perlu diperluas ke kawasan luar bandar serta sektor tidak formal dan PKS, bagi memastikan dasar pekerjaan inklusif dapat dilaksanakan secara menyeluruh dan memberi kesan jangka panjang.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kanak-kanak nyaris lemas di kolam renang meninggal dunia

BERNAMA



GAMBAR hiasan. FOTO NSTP

Melaka: Kanak-kanak lelaki berusia tujuh tahun yang dirawat di Hospital Melaka selepas nyaris lemas ketika mandi di kolam renang di sebuah pangsapuri di Taman Kota Laksamana pada Ahad lalu, meninggal dunia pagi tadi.

Exco Kesihatan, Sumber Manusia dan Perpaduan negeri Datuk Ngwe Hee Sem berkata, pelajar Sekolah Kebangsaan (SK) Rinting 3, Johor itu disahkan meninggal dunia oleh Pengarah Hospital Melaka kira-kira jam 11 pagi.

"Punca kematian disebabkan hilang fungsi otak. Mangsa sebelum ini bergantung pada alat bantuan pernafasan dan sepatutnya hari ini, alat berkenaan dibuka untuk melihat sama ada kanak-kanak itu boleh bernafas sendiri atau tidak, tetapi jantungnya telah berhenti dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di luar sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka di Seri Negeri, di sini, hari ini.

Ngwe berkata, jenazah kanak-kanak itu telah dituntut oleh waris pada 12.05 tengah hari tadi untuk dikebumikan di Johor.

Sebelum ini, media melaporkan kanak-kanak yang berasal dari Masai, Johor itu nyaris lemas ketika mandi di kolam renang pangsapuri berkenaan kira-kira jam 9.30 pagi pada Ahad.

Mangsa yang tidak sedarkan diri dibawa ke Hospital Melaka untuk mendapatkan rawatan di Unit Rawatan Rapi Pediatrik (PICU) hospital terbabit.

Siasatan awal polis mendapati kanak-kanak itu datang ke kolam renang berkenaan bersama keluarganya sebelum warisnya mendapati kanak-kanak itu tiada di kolam berkenaan.

Waris mangsa kemudian mencarinya di sekitar kawasan itu, tetapi beberapa orang awam mengeluarkan kanak-kanak itu dari kolam berkenaan sebelum dibawa ke Hospital Melaka untuk rawatan lanjut.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Woman jailed six months for concealing and dumping newborn's body

By MUGUNTAN VANAR

SABAH & SARAWAK

Tuesday, 22 Jul 2025

8:03 PM MYT

KOTA KINABALU: A woman was jailed six months and fined RM2,000 after pleading guilty to intentionally discarding a newborn baby at a homestay here in 2023.

Armaya Matjani, 22, pleaded guilty before Magistrate Dzul Elmy Yunus to the charge under Section 318 of the Penal Code for concealing the birth and secretly disposing of the baby's body.

The court ordered her to serve another two months in jail if she failed to pay the fine.

Section 318 provides for a maximum prison sentence of two years or a fine or both if convicted.

Based on the charge sheet submitted to the court, the unmarried woman from Kampung Rampayan Manggatal was accused of dumping the baby's body at a homestay room on Jalan Kepayan between Nov 1 and 2, 2023.

A worker discovered the body of the baby boy with the umbilical cord still attached in the room's toilet.

Police investigations found that Armaya had booked the room online and checked into the homestay alone on Nov 1, before leaving the next day in a weak condition.

A post mortem of the newborn's body by the Queen Elizabeth Hospital Forensic Unit confirmed that the baby died shortly after birth.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Doktor cabul pesakit wanita ditahan polis



SAZALEE ADAM

Oleh SAFINA RAMLI 22 Julai 2025, 9:05 pm

BALIK PULAU : Polis menahan seorang doktor lelaki semalam bagi membantu siasatan berhubung satu kejadian cabul membabitkan seorang pesakit wanita di sebuah klinik swasta di Bayan Baru, di sini.

Difahamkan, suspek berusia 43 tahun itu merupakan doktor sama yang pernah ditahan oleh polis kerana berkelakuan tidak senonoh terhadap pesakit wanita di dua lokasi berbeza dalam daerah Timur Laut sebelum ini.

Ketua Polis Daerah Barat Daya, Asisten Komisioner Sazalee Adam berkata, doktor itu ditahan kira-kira pukul 8 malam semalam di pekarangan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Barat Daya selepas diminta hadir untuk membantu siasatan.

Katanya, laporan polis berhubung kejadian itu diterima daripada seorang wanita semasa mangsa sedang mendapatkan rawatan di klinik swasta di Bayan Baru pada 29 Jun, kira-kira pukul 11.46 pagi.

"Wanita berkenaan mengalami sakit di bahagian perut dan semasa berada dalam bilik pemeriksaan, suspek dikatakan telah menyuruh mangsa untuk membuka baju.

"Suspek juga bertindak berani apabila cuba menyentuh bahagian payudara mangsa sebelum mangsa tampil untuk membuat laporan polis," katanya ketika dihubungi di sini.

Sazalee berkata, susulan kejadian itu, polis turut merampas sebuah telefon bimbit milik doktor berkenaan bagi membantu siasatan.

"Suspek kini direman selama tiga hari iaitu sehingga 23 Julai bagi membantu siasatan kes di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan," katanya.

Terdahulu, media melaporkan, doktor lelaki tersebut pernah ditahan oleh polis sebanyak tiga kali iaitu pada Februari dan Mac lalu selepas didakwa berkelakuan tidak senonoh terhadap pesakit wanita yang dirawatnya.

Selain memperdaya mangsa untuk membuka baju, suspek turut menyuruh mangsa berlari setempat kononnya untuk tujuan rawatan sebelum bertindak merakam gambar tubuh mangsa dengan menggunakan telefon bimbit.-UTUSAN